

# Pindaan Akta Pengangkutan Jalan akan dihalusi

KUALALUMPUR 27 Sept. - Cadangan pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan bagi membenarkan semua keterangan yang diambil melalui kamera pengawasan dijadikan bahan bukti di mahkamah akan dibincang dalam masa terdekat dengan pihak Peguam Negara.

Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Mustafa Abdullah berkata, perbincangan itu wajar memandangkan pindaan berkenaan melibatkan peranan pelbagai pihak.

"Cadangan untuk pinda akta tersebut masih di peringkat awal dan untuk melaksanakannya bukan perkara mudah. Lagipun bukan satu pihak sahaja terabit dalam hal ini, tetapi pelbagai pihak.

"Kami tidak lagi diberi penerangan mengenai cadangan ini, jadi kita tak boleh buat sebarang kesimpulan awal. Kalau cadangan itu dapat beri kebaikan, kita amat alu-alukannya," katanya kepada *Bernama* di sini hari ini.

Semalam Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, sebanyak 700 kamera pengawasan akan dipasang di lokasi strategik dan kawasan gelap di seluruh negara mulai pertengahan tahun depan bagi mengesan pengguna kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Chan berkata, Akta Pengangkutan Jalan Raya akan dipinda bagi membenarkan bukti yang diambil melalui kamera itu boleh diterima oleh mahkamah.